

06 DEC 1997

Mahathir-OIC

MAHATHIR: OIC TIDAK SEPERTI YANG DIHARAPKAN

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Tehran minggu depan berkata, OIC tidak seperti yang diharapkan dan perlu melakukan banyak lagi berbanding apa yang ia telah lakukan untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan negara-negara Islam.

Beliau berkata, negara-negara Islam perlu mengetepikan perbezaan pendapat di antara mereka, menunjukkan toleransi dan persefahaman yang lebih lagi seperti yang diminta oleh umat Islam di seluruh dunia.

" Banyak yang boleh dilakukan oleh OIC berbanding apa yang telah dilakukannya sebelum ini. Tetap malangnya, ia tidak menepati harapan Ummah," kata beliau dalam temubual dengan Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA) sempena sidang kemuncak OIC dari 9-11 Dis ini.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata kajian semula peranan OIC disambut baik dan menambah kata " Saya percaya ia boleh memainkan peranan yang lebih besar dan menjadi pertubuhan yang lebih kukuh lagi."

OIC merupakan forum penting bagi hal ehwal berkaitan Islam dan perpaduan. Malaysia merupakan antara 25 negara pengasas OIC pada 1969. Keanggotaan telah berkembang kepada 55 negara dan fokus sebelumnya dalam isu-isu politik diperluaskan kepada kerjasama ekonomi.

Ditanya sama ada Malaysia akan menyokong pengurangan belanjawan sekretariat OIC di Jeddah, Perdana Menteri berkata: " Jika anda membelanjakan wang dan menunjukkan hasil, kita tidak kisah membayar lebih banyak lagi. Tetapi jika anda tidak menunjukkan hasil, saya rasa ia adalah sia-sia untuk berbelanja begitu banyak".

Belanjawan tahunan sebanyak AS\$10.5 juta setahun telah diperuntukkan bagi sekretariat OIC, dengan Malaysia menyumbangkan 3.5 peratus daripada jumlah itu.

Beliau berkata, Malaysia akan mendengar pendapat anggota lain mengenai perkara itu.

Ditanya sama ada idea Pasaran Bersama Islam boleh menjadi kenyataan, Dr Mahathir berkata buat masa ini ia tidak mungkin.

" Kita tidak boleh sentimental mengenainya. Sebagai permulaan, dunia Islam mesti belajar berdagang di kalangan mereka," katanya.

" Kita mesti memastikan orang-orang kita memahami yang dalam perdagangan, masa adalah wang, tetapi sentiasa terdapat kelewatan dan karenah birokrasi. Jika kita tidak boleh berdagang di kalangan sendiri, jadi bagaimana kita boleh mempunyai Pasaran Bersama...kita mesti realistik," kata beliau.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai sokongan negara-negara Islam kepada rakyat Palestin dalam mencapai hak mereka.

Beliau berkata, satu-satunya bantuan yang boleh diberikan kepada perjuangan rakyat Palestin ialah dengan memberi sokongan kepada mereka tetapi sokongan itu tidak harus berbelah bahagi.

" Mereka perlu faham ada perkara yang mungkin dan ada yang tidak mungkin di dunia ini. Kita perlu melakukan perkara-perkara yang mungkin dan bukan sesuatu yang tidak mungkin," kata beliau.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata adalah bukan mudah bagi rakyat Palestin mendapatkan kembali tanah tumpah darah mereka (daripada pendudukan Israel) dengan menggunakan kekerasan.

" Kita tidak tahu membuat senjata yang kita gunakan untuk melawan musuh kita, jadi bagaimana mereka boleh mengambil semula tanah mereka menggunakan

kekerasan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, dalam perkataan lain kuasa-kuasa besar tidak akan menyediakan senjata bagi perjuangan mereka dan adalah sia-sia menggunakan kekerasan.

Beliau berkata: " Kita tiada pilihan lain kecuali berunding."

Ditanya sama ada dasar-dasar tertentu di beberapa negara Islam menjadi penghalang kepada kemajuan rakyatnya, Dr Mahathir berkata Malaysia percaya mana-mana negara perlu stabil dan membenarkan pandangan pihak pembangkang.

" Tetapi pihak pembangkang juga perlu faham yang mereka tidak boleh menggugat kestabilan negara dalam mencapai objektif mereka."

Beliau berkata, jika kerajaan yang dipilih oleh rakyatnya tidak dibenarkan memerintah kerana kekacauan yang disebabkan pembangkang, nanti pembangkang apabila dipilih untuk membentuk kerajaan juga akan menghadapi nasib yang sama dan akhirnya tiada kerajaan.

" Kita percaya apabila anda telah memilih kerajaan, anda perlu membenarkannya memerintah. Jika ia tidak memerintah dengan baik, ketepikannya pada pilihan raya akan datang. Dengan cara itu, negara-negara Islam boleh maju. Kita mahukan negara-negara yang stabil dan kita akan dapat berkomunikasi dan berurusan dengan negara-negara lain ...kita tidak mengubah kerajaan sesuka hati," kata Dr Mahathir lagi.-- BERNAMA

AU RN PR